

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	8 JULY 2017

# Dr. Mahathir hina perundangan, demokrasi negara

**KUALA LUMPUR 7 Julai** - Tuduhan Tun Dr. Mahathir Mohamad bahawa terdapat campur tangan dalam keputusan kes liwat Datuk Seri Anwar Ibrahim jelas menunjukkan bekas Perdana Menteri itu mempersoalkan kebebasan dan integriti badan kehakiman di negara ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Azalina Othman Said berkata, tuduhan Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) itu juga merupakan satu penghinaan kepada perundangan dan sistem demokrasi negara.

Beliau yang juga Ahli Majlis Tertinggi UMNO berkata, Dr. Mahathir seolah-olah lupa bahawa penyingkiran Anwar daripada pentadbiran kerajaan berlaku ketika zaman pemerintahan beliau pada tahun 1998.



**AZALINA  
OTHMAN SAID**



**SHAMSUL  
ANUAR NASARAH**

“Dakwaan Dr. Mahathir bahawa Anwar adalah mangsa dendam politik hanya memakan diri sendiri. Tindakannya yang kerap kali membuat pusingan U juga menunjukkan sikap sebenar pembangkang yang sanggup mengadai prinsip hanya kerana mahu memenuhi kepentingan peribadi.

“Hari ini Anwar menjalani huku-

man atas sebab kesalahan jenayah di bawah Seksyen 377B Kanun Keseksaan. Justeru, tidak timbul persoalan Anwar merupakan mangsa dendam politik seperti yang didakwa kerana beliau telah melalui semua proses di bawah undang-undang untuk mempertahankan diri termasuk mengemukakan rayuan kepada Lembaga Pengampunan,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Dalam temu bual dengan media antarabangsa, *The Guardian* semasa lawatan beliau ke London baru-baru ini, Dr. Mahathir mendakwa bekas timbalannya itu tidak dilayan dengan adil serta menuduh bahawa keputusan mahkamah dalam kes Anwar dipengaruhi kerajaan.

Dalam pada itu, Ahli Majlis

Tertinggi UMNO, Datuk Shamsul Anwar Nasarah berkata, Dr. Mahathir cuba memutarbelitkan fakta sebenar dan kini mahu menggunakan pengaruh dirinya bagi menarik perhatian dan sokongan penyokong Anwar kepada dirinya termasuk PPBM.

Sebagai seorang yang pernah memimpin negara, adalah tidak wajar Dr. Mahathir membuat tuduhan wujud campur tangan dalam kes Anwar kerana ia secara tidak langsung telah menghina atau mempertikaikan institusi kehakiman yang dijunjung semua.

“Malah, proses undang-undang yang dilaluinya cukup panjang dan Anwar mendapat keadilan serta haknya dari segi undang-undang sekali gus membuktikan tiada campur tangan dalam soal ini,” jelas beliau.

um - 8/7/2017 Pg. 5